

# Adik-beradik terlanjur

## Remaja tertekan lepas sumbang mahram dengan abang kandung

### KAUNSELING REMAJA

Prof Madya Datin  
Dr Sapora Sipon  
rencana@hmetro.com.my

2 Apa yang saya ceritakan ini sangat mengaibkan namun saya sudah tidak bertanggung lagi menanggung masalah ini.

Saya remaja lelaki berusia belasan tahun. Melihat dari perwatakan saya yang sentiasa ceria, tiada siapa menduga saya menyimpan satu kisah hitam yang sangat menakutkan.

Untuk pengetahuan Dr, saya pernah melakukan hubungan seks dengan abang sendiri. Perlakuan songsang itu berlaku sewaktu usia saya 12 tahun.

Pada mulanya, saya takut dan tidak suka diperlakukan demikian, tapi lama kelamaan, saya sendiri rela melakukannya dan kami sering berbuat demikian bila saja berkesempatan.

Kini, selepas beberapa tahun, saya dan abang mula insaf. Saya kini tertekan dan

mahu melupakan kisah itu.

Pada masa sama, saya takut adakah ia akan mendatangkan kesan buruk pada kesihatan lain seperti dijangkiti HIV atau AIDS.

Tolonglah saya.

**SUDAH INSAF,**  
Kuala Lumpur

1 Dek kerana terlalu mengikut kata hati, akhirnya nafsu amarah dan kebinatangan antara adik dan abang menjadikan kalian berdua terbabat dalam perbuatan liwat yang sangat dikeji agama.

Penyair terkenal, Aristotle pernah mengatakan: "Dalam masyarakat manusia ada binatang jalang, tetapi dalam masyarakat binatang tidak ada satu pun manusia jalang."

Dr berharap agar adik dan abang tidak lagi melakukan perbuatan terkutuk itu dan segeralah bertaubat dengan memperbaiki diri dan berasa kesal dengan apa dilakukan dulu.

Jangan sesekali terfikir mahu melakukannya lagi

kerana kesannya sangat buruk bukan saja menjadikan adik dan abang sebagai manusia yang terkeluar daripada batas agama dan masyarakat malah pada masa sama memberi kesan psikologi pada diri adik sendiri.

Dr sarankan adik berjumpa doktor perubatan bertauliah untuk memeriksa situasi kesihatan kesan daripada perbuatan itu.

Dan pada masa sama, bertemu pakar psikologi untuk merawat rasa bersalah yang menghantui diri ketika ini agar keadaan adik tidak terus makan hati dalam diam.

Mulanya, Dr dapat simpulkan adik sebagai mangsa, tapi akhirnya kemungkinannya kerana seronok, akhirnya adik rela dan suka melakukannya.

Kini, adik insaf dan mahu memperbaiki diri. Dr ucapkan syabas. Mulakan langkah pertama dengan

memperbanyakkan melakukan ibadah seperti solat, puasa, istighfar dan sebagainya sebagai perawatan rohani.

Jauhan pemikiran negatif kerana ia hanya memberi tekanan emosi kepada adik dan isikan masa terluang dengan melakukan pelbagai aktiviti berfaedah.

Cari juga rakan dipercayai

untuk berkongsi masalah dan melegakan perasaan selain belajar melupakan kisah silam itu.

Memang bukan mudah, tapi Dr percaya jika adik mahu berubah, apa saja usaha boleh dilakukan.

Yang penting, berdoa kepada Tuhan agar kehidupan

adik menjadi tenang dan menerima apa yang berlaku sebagai satu kesusilaan.

Manakala keinsafan yang terbit itu adalah pertolongan Allah untuk memberi peluang adik kembali kepada fitrah-Nya.



## Ibu bapa kongkong kehidupan

3 Saya berusia 24 tahun dan kini sedang melanjutkan pengajian dalam bidang kejuruteraan di sebuah institusi pengajian tinggi tempatan. Saya tidak mempunyai sebarang masalah dalam pelajaran kerana keputusan peperiksaan sentiasa konsisten.

Cuma, sekarang saya berasa makan hati dengan sikap ibu bapa yang keterlaluan mengongkong hidup saya biarpun pada usia ini saya boleh dikatakan sudah dewasa.

Saya berasal dari keluarga yang boleh dikatakan senang dengan segala keperluan mencukupi. Walaupun ibu bapa bersikap penyayang, sikap suka mengongkong mereka itu membuatkan saya sangat bosan.

Dunia pergaulan saya hanya di kampus dan rumah semata-mata. Saya selalu ditegah keluar rumah dengan tanggapan boleh membahayakan keselamatan.

Malah, lebih teruk, ibu bapa membelikan saya sebuah permainan video dengan tujuan melekakan saya supaya tidak keluar.

Jika keluar pun, perlu memberitahu mereka atau mesti berteman yang selalunya daripada kalangan keluarga.

Saya tahu apa dilakukan mereka tujuannya baik, tapi saya juga mahukan sedikit kebebasan untuk mencorakkan masa sendiri seperti bersama rakan lain menonton wayang dan sebagainya.

Saya tidak faham kenapa mereka melayan saya seperti budak-budak. Saya bukan anak tunggal malah mempunyai tiga orang lagi adik-beradik yang semuanya meningkat dewasa. Kami semua menerima layanan yang sama.

Saya bosan dengan kea-

daan ini. Bantulah saya.

**MAHU BERDIKARI,**  
Pertis

1 Membaca coretan adik menjadikan Dr memahami dilema yang sedang adik hadapi. Dalam usia adik yang sudah dewasa tapi masih lagi dikongkong, sudah pasti akan meninggalkan konflik dalam diri.

Apa yang adik alami ini ada kaitan dengan tahap perkembangan umur diri adik serta gaya asuhan ibu bapa.

Sikap kontra antara kedua-dua pihak akan mewujudkan konflik kerana tidak terdapat keserasian.

Umur adik terus meningkat dengan gaya pemikiran dewasa, tapi bagi pihak ibu bapa pula beranggapan adik masih kecil dan memerlukan pemerhatian demi keselamatan diri.

Percanggahan ini timbul kerana dua generasi iaitu adik dan ibu bapa memandang kehidupan ini dari sudut berbeza. Generasi muda ada malam dan perancangannya, begitu juga ibu bapa yang mungkin tidak memahaminya. Bagaimanapun, masih banyak lagi jalan penyelesaian boleh dilakukan selain membuat strategi yang boleh mendatangkan kebaikan bersama.

Antaranya mengendalikan konflik antara anak dengan ibu bapa menerusi penyelesaian masalah secara bersama.

Ita bukan mudah kerana masing-masing mempunyai tuntutan sendiri terutama ibu bapa yang bertindak bagi menentukan keberkesanan sesebuah keluarga.

Mahatma Gandhi pernah berkata, 'tiada sekolah se-

tanding rumah tangga bapa-ga dan tiada guru setanding dengan ibu bapa yang tulus ikhlas dan berhati mulia'.

Erikson, seorang ahli psikologi terkenal menjelaskan, pada tahap umur adik ini, individu mula membentuk hubungan yang akrab dan rapat terutama dengan rakan berlainan jantina. Mereka mula memikirkan soal teman hidup, percintaan, hingga membawa kepada dunia perkahwinan.

Ibu bapa adik mengikut Santrock, seorang ahli psikologi lain, tergolong dalam kategori authoritarian. Ibu bapa jenis ini akan mengenakan peraturan dan hukuman kepada anak mereka. Selain itu, ibu bapa authoritarian mahukan anak mereka patuh dan menghormati mereka. Peruturan lisan antara ibu bapa dengan anak adalah terhad

dan kurang digalakkan.

Jadi persoalan adik bawaha 'saya tidak faham kenapa mereka buat saya seperti budak-budak' ada kaitannya dengan bentuk asuhan keluarga ibu dan bapa adik.

Beberapa langkah yang digunakan ibu bapa boleh mengurangkan konflik antara anak dengan mereka. Gaya asuhan keluarga yang autoritatif boleh dicadangkan. Antaranya, ialah melalui pemberian kasih sayang sejati, peruntukan masa bersamasama, disiplin kukuh, saling menghormati, didikan kepada perkara yang betul bukan sebaliknya dan layanan mesra.

Selain itu, ibu bapa juga perlu mendengar pendapat dan bersifat realistik serta menggalakkan anak remaja berdikari.

Seorang anak pula wajib mentaati ibu bapanya dalam semua perkara kecuali dalam perkara maksiat atau kemungkaran kepada Allah.